

123

## UUM meterai MOU dengan BSRU Bangkok, Thailand

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 21 Oktober 2010 12:53

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

21 OKTOBER 2010/13 ZULKAEDAH 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

### UUM meterai MOU dengan BSRU Bangkok, Thailand



Sekitar Majlis Menandatangani MOU antara UUM dan BSRU Bangkok, Thailand.

**UUM ONLINE:** Universiti Utara Malaysia (UUM) memeterai perjanjian persefahaman (MOU) dengan Bansomdejchaopraya Rajabhat University (BSRU) di Bangkok, Thailand, semalam bagi membangunkan kepelbagaian aktiviti akademik antara ke dua-dua institusi pengajian tinggi ini.

Majlis yang ringkas tetapi penuh bermakna ini diadakan di kampus induk BSRU yang terletak berhampiran kota Bangkok.

UUM diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak dan disaksikan oleh Prof. Madya Dr. Hisham Dzakiria, manakala BSRU diwakili oleh Presidennya, Prof. Dr. Supol Wuthisen.

Turut hadir, dua Timbalan Presiden BSRU, Prof. Dr. Somchai Rassamee dan Prof. Dr. Thong Aim